

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. MASZLEE BIN MALIK [ SIMPANG  
RENGGAM ]**

**TARIKH : 2 NOVEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan mengapakah mereka tidak membantu industri gusti profesional tempatan seperti APAC Wrestling untuk menayangkan perlawanan-perlawanan mereka di saluran milik kerajaan. Ini penting untuk membantu industri tersebut yang agak baru, namun berpotensi untuk berkembang kerana para pengusti profesional tempatan sudah mula dikenali dunia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Komunikasi dan Multimedia sentiasa menyokong pembangunan pelbagai industri sukan di negara ini terutama yang baharu dan berpotensi tinggi untuk dimajukan. Justeru, Kementerian ini melalui Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) **bersedia untuk membantu mengetengahkan mana-mana industri sukan termasuklah gusti profesional yang memerlukan sokongan dan promosi menerusi slot siaran atau *air time* yang disediakan.**

SUKAN RTM adalah saluran sukan pertama yang dilancar dan dimiliki sepenuhnya oleh RTM dengan tarikh penubuhannya pada 12 Jun 2018. Di awal penubuhannya, saluran SUKAN RTM ini menggunakan nama RTM SPORTS dengan memulakan siaran ujian pertamanya, secara eksklusif menerusi Platform MyFreeview Saluran 111 dan juga

## SOALAN NO : 14

melalui dalam talian internet (OTT) Myklik RTM, bersempena dengan Piala Dunia FIFA 2018.

RTM sentiasa memantapkan kandungan siaran SUKAN RTM dengan bahan-bahan siaran *in-house* serta lebih banyak siaran langsung kejohanan sukan tempatan dan antarabangsa sebagai usaha untuk terus menyalurkan informasi-informasi sukan terkini dalam dan luar negara secara konklusif serta eksklusif antaranya ialah UEFA EURO 2021, Sukan Sea Manila 2021 dan Sukan Olimpik Tokyo 2021. Tumpuan terus diberikan kepada kejohanan-kejohanan sukan bertaraf dunia samada tempatan atau luar negara yang menjadi kegemaran rakyat Malaysia dalam usaha Kerajaan memupuk minat serta mewujudkan rakyat yang sihat dan aktif bersukan.

Untuk itu pihak RTM bersedia untuk bekerjasama dengan mana-mana -mana persatuan sukan termasuk sukan gusti tempatan untuk dikembangkan ke peringkat lebih tinggi bagi mengisi *air time* atau slot saluran tersebut. Ia diharapkan dapat membantu membuktikan sukan gusti Malaysia juga setanding dengan luar negara asalkan ia badan sukan tempatan yang diiktiraf oleh kerajaan dan dikenali di peringkat Asia dan Antarabangsa.